

Usah terpengaruh dengan janji palsu

Awasi karenah

BH 15 AUG 1990

pembangkang

1

Oleh JOHARI MOHD

BATU PAHAT, Selasa — Parti pembangkang akan berbuat tidak ubah seperti 'tikus membaiki labu' jika diberi peluang memerintah negara ini, kata Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba.

Setakat ini pun, katanya, mereka hanya menabur fitnah mengenai kerajaan di merata kampung sambil berangan-angan untuk menubuhkan kerajaan baru pada suatu hari nanti.

"Pembangkang kini bersorak kononnya hendak mengambil alih kerajaan dan masuk ke kampung untuk menabur fitnah.

"Malah, mereka juga memberi jaminan untuk memerintah," katanya ketika berucap di majlis perjumpaan dengan peng-

hulu dan ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) daerah ini dan Kluang di Dewan Jubli Intan di sini, hari ini.

Sebaliknya, katanya, Barisan Nasional (BN) yang memerintah sejak sekian lama, sudah membuktikan ia dapat membawa kemajuan dan memberi keadilan kepada semua rakyat berbilang kaum di negara ini seperti yang dijanjikan dalam pilihanraya umum lalu.

Katanya, rakyat juga hendaklah sedar parti pembangkang sudah banyak menimbulkan kekeliruan hingga menyusahkan rakyat seperti berkempen tidak menggalakkan mereka menunaikan haji di Makkah menerusi Tabung Haji.

"Akibatnya, ramai bakal jemaah tersa-

dai di negara lain. Ia sudah cukup untuk dijadikan pengajaran kepada rakyat supaya berfikir secara terbuka mengenai kebalkan BN," katanya.

Encik Ghafar yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata parti pembangkang masih mahu mengelirukan rakyat dengan mendakwa projek kereta nasional Proton Saga kononnya satu pembaziran walaupun pada hakikatnya ia sudah mencatat keuntungan besar.

"Ada juga parti pembangkang yang sanggup menerbitkan buku untuk memburukkan diri saya dengan mendakwa kononnya saya mempunyai rumah mewah dengan pelbagai kemudahan, termasuk kolam renang. Ini adalah fitnah semata-mata," katanya.